

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myTravel Umrah. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini memberi pampasan sekiranya berlaku kecederaan, keilatan atau kematian akibat kemalangan serta membayar balik perbelanjaan perubatan akibat kemalangan dan menyediakan manfaat kesulitan perjalanan semasa mengerjakan ibadah umrah atau haji di Arab Saudi.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- a. **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar daripada Dana Takaful Am ("DTA") adalah berdasarkan Hibah. Penerima boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penerima adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- b. **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] ("Kami" atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- c. **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- d. **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
- e. **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Manfaat		Jumlah Perlindungan (RM)	
		Pelan Umrah	Pelan Ziarah
1.	Kematian Akibat Kemalangan	20,000/dewasa 5,000/kanak-kanak ¹	20,000/dewasa 5,000/kanak-kanak ¹
2.	Keilatan Kekal & Menyeluruh Akibat Kemalangan	20,000/dewasa 5,000/kanak-kanak ¹	20,000/dewasa 5,000/kanak-kanak ¹
3.	Perbelanjaan Perubatan Luar Negara (akibat Kemalangan, berdasarkan pembayaran balik)	2,000/dewasa 1,000/kanak-kanak ¹	5,000/dewasa 2,500/kanak-kanak ¹
4.	Badal Haji (Kematian/ Keilatan Kekal & Menyeluruh Akibat Kemalangan)	2,000/dewasa	2,000/dewasa
5.	Perbelanjaan Pengebumian (Akibat Kemalangan)	1,000/individu	1,000/individu
6.	Pemindahan Perubatan (berdasarkan pembayaran balik)	2,000/individu	2,000/individu
7.	Penghantaran Pulang yang Diawasi Secara Perubatan (berdasarkan pembayaran balik)	2,000/individu	2,000/individu
8.	Penghantaran Pulang Jenazah (berdasarkan pembayaran balik)	2,000/individu	2,000/individu
9.	Kehilangan Bagasi	150/individu 300/keluarga ²	150/individu 300/keluarga ²
10.	Kehilangan Dokumen Perjalanan	300/individu	300/individu
11.	Kelewatan Perjalanan (RM50 untuk setiap 8 jam)	500/individu	500/individu

Nota:

1. Kanak-kanak di bawah pelan keluarga ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur antara tiga puluh (30) hari sehingga lapan belas (18) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
2. Keluarga merujuk kepada peserta, satu (1) pasangan yang sah dan maksimum lima (5) orang anak.

Tempoh perlindungan bergantung kepada pelan pilihan anda. Sila rujuk kepada sijil untuk butiran manfaat.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar berbeza bergantung kepada pelan pilihan anda.

Jenis Pelan	Tempoh Perlindungan	Sumbangan
Pelan Umrah	Sehingga 14 hari	RM35 / individu RM70 / keluarga
Pelan Ziarah	Sehingga 30 hari	RM83 / individu RM158 / keluarga

5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	Sehingga 45% daripada jumlah sumbangan termasuk: ▪ 25% - Komisyen (jika ada) ▪ 20% - Perbelanjaan lain
Duti Setem	RM10.00 setiap sijil

*Duti setem dikecualikan bagi sijil dengan jumlah sumbangan tidak melebihi RM150 (untuk Peserta Individu) dan RM250 (untuk Peserta Korporat) sehingga 31/12/2025. Selepas itu, duti setem RM10 akan dibayar mulai 1/1/2026 tanpa mengira jumlah sumbangan.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang saya perlu ketahui?

- Tanggungjawab Pendedahan** – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, sekiranya anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat pernyataan yang salah semasa menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini). Anda mesti menjawab soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil perhatian sewajarnya semasa menjawab soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajiban pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Selain menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini), anda dikehendaki mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau sudah berubah.
- Orang Yang Layak** – Pemegang visa umrah/haji yang sah dan bermastautin di Malaysia.
- Bayaran Sebelum Perlindungan** – Sumbangan penuh mesti dibayar kepada Takaful Malaysia atau perantara sebelum perlindungan dimulakan. Perlindungan secara automatik terbatal dan tidak sah sekiranya syarat ini tidak dipatuhi.
- Tuntutan** – Peserta atau penuntut mesti memaklumkan Kami dan menyediakan dokumen tuntutan yang diperlukan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kembali ke Malaysia.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah produk ini.

7. Apakah pengecualian bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi perkara berikut:

- a) Keadaan sedia ada;
- b) Perjalanan yang dilakukan bertentangan dengan nasihat perubatan atau apabila tujuan perjalanan adalah untuk mendapatkan sebarang bentuk rawatan perubatan, perundingan atau nasihat;
- c) Sukan profesional atau berbahaya atau perlumbaan dalam apa jua bentuk selain daripada berjalan kaki;
- d) Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan;
- e) Mabuk disebabkan alkohol atau dadah;
- f) Peperangan dan risiko yang berkaitan;
- g) Semasa melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang; atau
- h) Kemalangan bahan radioaktif dan/atau senjata nuklear.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai lengkap pengecualian di bawah produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil sebelum tarikh pelepasan dengan bayaran balik sumbangan penuh dengan syarat tiada tuntutan dibuat.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda mengemaskini atau memaklumkan Kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)],
Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483,
50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
Faks: 603 - 2274 0237
Emel: csu@takaful-malaysia.com.my
Laman web: www.takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila layari laman web Kami di www.takaful-malaysia.com.my.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL MAKLUM JADUAL MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN DALAM SIJIL DAN ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL YANG TELAH ANDA SERTAI.

ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN KAMI ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Produk ini diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2024.